

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2000**

---

**SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMERIKSA PATEN**

**TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan skim perkhidmatan baru iaitu Pegawai Pemeriksa Paten di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan.

**LATAR BELAKANG**

2. Di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) salah satu fungsi yang ditetapkan bagi perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) ialah fungsi pemeriksaan paten.

3. Kerajaan telah meneliti semula ketetapan ini dan selaras dengan perkembangan terbaru mendapatinya tidak sesuai kekal di bawah klasifikasi perkhidmatan Ekonomi sebaliknya lebih sesuai dijadikan sebahagian daripada fungsi di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan. Langkah ini bertepatan dengan tugas pemeriksaan paten yang merangkumi penilaian dan penentuan hasil penyelidikan untuk tujuan pembangunan di samping menguatkuasa akta-akta yang berkaitan seperti Akta Paten 1983, Peraturan-Peraturan Paten 1986 dan pindaan-pindaan ke atasnya.

### **SKIM PERKHIDMATAN BARU**

4. Berikutan perubahan klasifikasi perkhidmatan tersebut, satu skim perkhidmatan baru dikenali sebagai Pegawai Pemeriksa Paten telah diwujudkan bagi menampung anggota yang melaksanakan tugas-tugas pemeriksaan paten. Pewujudan skim perkhidmatan baru ini ialah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam aspek perlindungan harta intelek dan seterusnya untuk menarik pelabur asing dan pemindahan teknologi tinggi dan termaju ke Malaysia selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

5. Tugas utama skim perkhidmatan baru ini ialah menjalankan kajian dan pemeriksaan ke atas permohonan paten, pembaharuan utiliti mengikut kehendak Akta Paten 1983, Peraturan-Peraturan Paten 1986 dan pindaan ke atasnya serta menasihati Pendaftar Paten atau Lembaga Paten untuk meluluskan atau menolak permohonan paten.

6. Kandungan terperinci mengenai skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran A1**. Contoh iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan ini serta deskripsi tugas lengkapnya adalah seperti di **Lampiran A2, B1 dan B2**.

## **PELAKSANAAN**

### **Perjawatan**

7. KPDN & HEP hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pegawai Pemeriksa Paten secara tukarganti dengan memansuhkan jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi di Unit Paten, Bahagian Harta Intelek berasaskan keperluan sebenar agensi.

### **Pemberian Opsyen**

8. Pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten ini dibuat menerusi pemberian opsyen dan pilihan yang dibuat adalah muktamad. Anggota yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh opsyen untuk membuat pilihan samada menerima atau menolak tawaran ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sekarang sehingga meninggalkan perkhidmatan.

9. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada anggota yang bertaraf tetap dalam skim perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi di Unit Paten, Bahagian Harta Intelek, KPDN & HEP dan telah memilih opsyen SSB. Anggota lantikan sementara, kontrak dan sambilan adalah tidak terlibat dalam pemberian opsyen ini.

### **Kaedah Pelarasian Gaji**

10. Kaedah pelarasian gaji anggota adalah seperti berikut:-

- (a) gaji anggota diselaras ke matagaji tertinggi berhampiran dalam tanggagaji jawatan baru sekiranya gaji jawatan lama adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam jawatan baru; dan
- (b) anggota yang berada di matagaji maksimum dan mendapati gaji sekarang tidak dapat ditampung oleh mana-mana matagaji dalam skim perkhidmatan baru, maka sifir pemindahan gaji KUP hendaklah dipohon dari Bahagian Saraan, JPA.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

- 11. Tarikh pergerakan gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini adalah tidak berubah.
- 12. Anggota yang terlibat yang TPG asalnya sama dengan tarikh kuatkuasa urusan ini hendaklah diberi pergerakan gaji tahunan mengikut keputusan Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji terlebih dahulu sebelum diberi pelarasan gaji dalam skim perkhidmatan yang baru.

### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

- 13. Bagi melaksanakan skim perkhidmatan baru ini, KPDN & HEP dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

#### **KPDN & HEP**

- (i) mengedarkan surat tawaran opsyen kepada anggota yang terlibat. Contoh surat tawaran opsyen adalah seperti di **Lampiran C**.

- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat.
- (iii) mengemaskini kenyataan perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaporkan kepada Bahagian Saraan, JPA mengenai implikasi kewangan yang terlibat dalam urusan ini dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran D.**

#### **Anggota**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad.
- (ii) melengkapkan 2 salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh KPDN & HEP dan satu salinan untuk anggota berkenaan.
- (iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran.


#### **TARIKH KUATKUASA**

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2000.

## **PEMAKAIAN**

15. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai untuk KPDN & HEP sahaja.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**



( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

|| Ogos 2000

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

Kementerian Kewangan Malaysia

## **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMERIKSA PATEN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

## KUMPULAN PERKHIDMATAN: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

## **TARIKH KUATKUASA**

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred Q3	P1T1 RM 1442.10 - P1T24 RM3547.50 P2T1 RM 1518.00 - P2T24 RM3758.70 P3T1 RM 1597.20 - P3T24 RM3987.50
Gred Q2	P1T1 RM 3438.60 - P1T7 RM4422.00 P2T1 RM 3609.10 - P2T7 RM4632.10 P3T1 RM 3786.20 - P3T7 RM4848.80
Gred Q1	P1T1 RM 4092.00 - P1T7 RM5163.40 P2T1 RM 4262.50 - P2T7 RM5397.70 P3T1 RM 4459.40 - P3T7 RM5640.80
TIKAN	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) warganegara Malaysia;</li> <li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li> <li>(c)           <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Ijazah Sarjana Muda Sains kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</li> <li>(ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T3); atau</li> <li>(iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T6); atau</li> <li>(iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T9)</li> </ul> </li> </ul>

	<p>dan (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</p>
<b>SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN</b>	<p>2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains dan Pembantu Teknik adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;</li> </ul> <p>dan (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<p>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred Q3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.</p>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<p>4. (a) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.</p> <p>(b) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.</p>
<b>LATIHAN</b>	<p>5. Pegawai Pemeriksa Paten boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>
<b>PEPERIKSAAN/KURSUS INDUKSI</b>	<p>6. (a) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p> <p>(b) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan</p>
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	<p>7. (a) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(ii) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan;</li> </ul> <p>dan (iii) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> <p>(b) Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memenuhi syarat-syarat di perenggan 6(b) di atas; dan</li> <li>(ii) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>

- |   |   |
|---|---|
| <b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>                    | 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.  |
| <b>KURSUS KENAIKAN PANGKAT</b>                    | 9. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.  |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q2</b>                | 10. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q2 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan dan berkebolehan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan paten;</li> <li>(c) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;</li> <li>(d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan</li> <li>(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul> |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED Q1</b>                | 11. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q2 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q1 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan dan berkebolehan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan paten;</li> <li>(c) telah dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Paten oleh Lembaga Paten Malaysia;</li> <li>(d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan</li> <li>(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>       |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI</b> | 12. Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q1 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.   |

**LAMPIRAN A2**

**IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Pegawai Pemeriksa Paten  
(b) Kem/Jab : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Penyelidikan dan Pembangunan
2. JADUAL GAJI : Gred Q3      P1T1 RM 1442.10 - P1T24 RM3547.50  
    P2T1 RM 1518.00 - P2T24 RM3758.70  
    P3T1 RM 1597.20 - P3T24 RM3987.50
3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - I. warganegara Malaysia;
  - II. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - III. (i) Ijazah Sarjana Muda Sains kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau  
(ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T3); atau  
(iii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T6); atau  
(iv) ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred Q3:P1T9)

- dan IV. Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. TARAF JAWATAN : Tetap
5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

**DESKRIPSI TUGAS BAGI SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PEMERIKSA PATEN**

**1. Skim Perkhidmatan**

Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q3/Q2.

**2. Peringkat Organisasi**

Unit Paten, Bahagian Harta Intelek, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**3. Ringkasan Tugas**

Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten samada untuk melulus atau menolak permohonan paten/perbaharuan utiliti.

**4. Skop Fungsi dan Bidang Tugas**

4.1 Menjalankan kajian dan pemeriksaan substantif (Seksyen 30) secara terperinci kepada permohonan-permohonan paten/perbaharuan utiliti (*details specifications*) dan pindaan-pindaan terhadapnya untuk menentukan sama ada permohonan-permohonan tersebut mengikut kehendak-kehendak Akta Paten 1983 dan Peraturan-peraturan Paten 1986 berserta dengan pindaan-pindaannya, seterusnya mengeluarkan laporan mengenainya kepada Pendaftar Paten. Elemen-elemen yang perlu dikaji, diselidiki dan difahami dalam spesifikasi permohonan paten antara lain merangkumi:

- Rekacipta yang tidak boleh dipatenkan (Seksyen 13).
- Baru (Seksyen 14).
- Langkah merekacipta (Seksyen 15).
- Boleh digunakan di industri (Seksyen 16).
- Hak terhadap sesuatu paten (Seksyen 18; Peraturan 10).
- Penyerahan kehakiman akan permohonan paten atau paten (Seksyen 19).
- Rekacipta yang dibuat oleh seorang pekerja atau menurut suatu tauliah (Seksyen 20).
- Penyatuan rekacipta (Seksyen 26).
- Pindaan kepada permohonan [Seksyen 26A, Seksyen 30(3), Seksyen 79].
- Memecahkan permohonan asal (Seksyen 26B).
- Hak prioriti (Seksyen 27).
- Kejelasan tajuk rekacipta mengenai sesuatu rekaciptaan [Peraturan 7 (2)].
- Hak pemohon terhadap sesuatu paten (Peraturan 10).
- Perihalan (Peraturan 12).

- Tuntutan (Peraturan 13, 14).
- Abstrak (Peraturan 16).
- Sukatan, Ukuran, Terminologi dan Simbol (Peraturan 17).
- Perisyiharan menuntut hak prioriti (Peraturan 21).
- Tandatangan oleh rakan kongsi, syarikat dan persatuan (Peraturan 50).
- Perlantikan atau pertukaran agen paten, Borang 17 [Peraturan 2(2) Jadual I].

4.2 Menjalankan kajian dan carian seni terdahulu (*prior art*) dengan menggunakan dokumentasi paten dari *United States Patent Office, European Patent Office, Japanese Patent Office, World Intellectual Property Organization*, dokumentasi paten dan permohonan paten Malaysia dan apa-apa maklumat dari pelbagai media yang difikirkan perlu dan munasabah untuk menentukan kriteria baru (Seksyen 14) dan melibatkan langkah merekacipta (Seksyen 15) dipenuhi untuk setiap permohonan paten. Dokumentasi paten terdiri daripada pengenalan kepada perihalan, tuntutan-tuntutan, abstrak dan gambarajah-gambarajah teknikal.

4.3 Mengkategorikan tuntutan-tuntutan dalam permohonan semasa berbanding dengan dokumen-dokumen seni terdahulu sama ada sesuatu dokumen terdahulu relevan secara bersendirian, relevan secara penggabungan beberapa dokumen atau relevan secara latar belakang teknologi sahaja dan kemudiannya memberikan penjelasan bertulis berdasarkan fakta kajian.

4.4 Mencadangkan kepada Pendaftar Paten samada sesuatu permohonan paten dilulus atau ditolak.

4.5 Mencadangkan kepada Lembaga Paten samada sesuatu permohonan perbaharuan utiliti dilulus atau ditolak.

4.6 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten berkenaan dengan hal-hal teknikal dan undang-undang berkaitan paten.

4.7 Membantu dan menasihatkan Pendaftar Paten dalam kes-kes pendengaran [Peraturan 47(4)].

4.8 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten berkenaan dengan perkembangan teknologi semasa.

4.9 Menjalankan pemeriksaan dari aspek keselamatan dan kepentingan negara terhadap permohonan paten dan perbaharuan utiliti (Seksyen 30A).

4.10 Mengkategorikan/mengkelaskan setiap permohonan paten/perbaharuan utiliti berdasarkan Klasifikasi Paten Antarabangsa (*International Patent Classifications*) untuk membantu kerja-kerja kajian.

4.11 Memberi khidmat nasihat teknikal dan undang-undang mengenai paten kepada perekacipta-perekacipta secara bersemuka, atas talian (online), seminar, forum, bengkel dan ceramah.

## **5. Hubungan Kerja**

### **5.1 Luaran**

- Agen-agen paten berdaftar dengan pejabat pendaftaran paten.
- Kolej, institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan.
- Syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau rekacipta.
- Organisasi-organisasi atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau rekacipta.
- Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai agenda memajukan sains dan teknologi.
- Individu yang terlibat dengan perekaciptaan.
- Pakar-pakar runding dari badan-badan antarabangsa, antara lain dari World Intellectual Property Organization (WIPO), European Patent Office (EPO) dan sebagainya.

### **5.2 Dalaman**

- Rakan sekerja di Bahagian/Unit yang sama.
- Kakitangan lain di Bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

## **6. Persekutaran Kerja**

Dalam dan luar pejabat.

## **7. Peralatan Yang Digunakan**

- Komputer yang mempunyai talian terus atau internet.
- Komputer yang dilengkapi dengan CD-ROM.
- Pembaca Mikrofilem.
- CD-ROM yang mengandungi maklumat-maklumat paten dari Amerika Syarikat, Negara-negara Eropah, Jepun dan Malaysia.

## **8. Kebolehan Yang Diutamakan (Pengetahuan/Kemahiran)**

- Pengetahuan luas dalam bidang sains dan teknikal.
- Berkemahiran menggunakan komputer.
- Penggunaan Bahasa Inggeris yang baik.
- Berkebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran teknikal dan undang-undang (*legal and technical environment*).
- Berkebolehan menterjemahkan tulisan atau perihalan kepada gambarajah teknikal paten.
- Boleh berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik.
- Boleh menangkis hujah-hujah yang diketengahkan oleh pemohon-pemohon paten sekiranya hujah-hujah yang dikemukakan tidak membantu kepada pemberian sesuatu paten.

**9. Sifat-sifat Yang Bersesuaian Dengan Jawatan**

- Jujur , amanah dan tekun.
- Minat membaca, mengkaji, meneliti dan mengikuti perkembangan ciptaan-ciptaan baru.
- Minat mengikuti perkembangan teknologi terkini.

**10. Ancaman/Bahaya**

- Boleh dikenakan tindakan undang-undang (mahkamah).
- Boleh menjelaskan penglihatan.
- Kemalangan (mengendalikan peralatan-peralatan).
- Tekanan (*stress*).

**DESKRIPSI TUGAS BAGI SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PEMERIKSA PATEN KANAN**

**1. Skim Perkhidmatan**

Pegawai Pemeriksa Paten Kanan Gred Q1.

**2. Peringkat Organisasi**

Unit Paten, Bahagian Harta Intelek, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**3. Ringkasan Tugas**

3.1 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten mengenai hal-hal yang berkaitan dengan paten khasnya dan harta intelek amnya.

3.2 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten samada untuk melulus atau menolak permohonan paten/perbaharuan utiliti.

**4. Skop Fungsi dan Bidang Tugas**

4.1 Menyelaras tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan paten dalam bidang pengkhususan yang ditetapkan.

4.2 Mengemaskini polisi dan undang-undang paten dari masa ke semasa supaya selaras dengan amalan dan perjanjian antarabangsa apabila Malaysia menjadi ahli kepada sesuatu perjanjian tersebut.

4.3 Merancang aktiviti pembangunan sumber manusia dalam bidang paten khasnya dan harta intelek amnya melalui hubungan kerjasama dengan organisasi-organisasi harta intelek peringkat ASEAN dan antarabangsa bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dan juga modenisasi sistem maklumat dan dokumentasi paten di Pejabat Pendaftaran Paten.

4.4 Mengawalselia aktiviti-aktiviti kawalan kualiti terhadap laporan pemeriksaan substantif (teknikal) dalam bidang pengkhususan yang ditetapkan.

4.5 Melatih pegawai pemeriksa paten yang baru dilantik dalam bidang pengkhususan yang ditetapkan.

4.6 Mengawalselia dan menyemak laporan kes-kes pendengaran atau prosiding mahkamah.

4.7 Menjalankan kajian dan pemeriksaan substantif (Seksyen 30) secara terperinci kepada permohonan-permohonan paten/perbaharuan utiliti (*details specifications*) dan pindaan-pindaan terhadapnya untuk menentukan sama ada permohonan-permohonan tersebut mengikut kehendak-kehendak Akta Paten 1983 dan Peraturan-peraturan Paten 1986 berserta dengan pindaan-pindaannya, seterusnya mengeluarkan laporan mengenainya kepada Pendaftar Paten. Elemen-elemen yang perlu dikaji, diselidiki dan difahami dalam spesifikasi permohonan paten antara lain merangkumi:

- Rekacipta yang tidak boleh dipatenkan (Seksyen 13).
- Baru (Seksyen 14).
- Langkah merekacipta (Seksyen 15).
- Boleh digunakan di industri (Seksyen 16).
- Hak terhadap sesuatu paten (Seksyen 18; Peraturan 10).
- Penyerahan kehakiman akan permohonan paten atau paten (Seksyen 19).
- Rekacipta yang dibuat oleh seorang pekerja atau menurut suatu tauliah (Seksyen 20).
- Penyatuan rekacipta (Seksyen 26).
- Pindaan kepada permohonan [Seksyen 26A, Seksyen 30(3), Seksyen 79].
- Memecahkan permohonan asal (Seksyen 26B).
- Hak prioriti (Seksyen 27).
- Kejelasan tajuk rekacipta mengenai sesuatu rekaciptaan [Peraturan 7 (2)]
- Hak pemohon terhadap sesuatu paten (Peraturan 10).
- Perihalan (Peraturan 12).
- Tuntutan (Peraturan 13, 14).
- Abstrak (Peraturan 16).
- Sukatan, ukuran, terminologi dan simbol (Peraturan 17).
- Perisytiharan menuntut hak prioriti (Peraturan 21).
- Tandatangan oleh rakan kongsi, syarikat dan persatuan (Peraturan 50).
- Perlantikan atau pertukaran agen paten, Borang 17 [Peraturan 2(2) Jadual I].

4.8 Menjalankan kajian dan carian seni terdahulu (*prior art*) dengan menggunakan dokumentasi paten dari *United States Patent Office, European Patent Office, Japanese Patent Office, World Intellectual Property Organization*, dokumentasi paten dan permohonan paten Malaysia dan apa-apa maklumat dari pelbagai media yang difikirkan perlu dan munasabah untuk menentukan kriteria baru (Seksyen 14) dan melibatkan langkah merekacipta (Seksyen 15) dipenuhi untuk setiap permohonan paten. Dokumentasi paten terdiri daripada pengenalan kepada perihalan, tuntutan-tuntutan, abstrak dan gambarajah-gambarajah teknikal.

4.9 Mengkategorikan tuntutan-tuntutan dalam permohonan semasa berbanding dengan dokumen-dokumen seni terdahulu sama ada sesuatu dokumen terdahulu relevan secara bersendirian, relevan secara penggabungan beberapa dokumen atau relevan secara latar belakang teknologi sahaja dan kemudiannya memberikan penjelasan bertulis berdasarkan fakta kajian.

4.10 Mencadangkan kepada Pendaftar Paten samada sesuatu permohonan paten dilulus atau ditolak.

4.11 Mencadangkan kepada Lembaga Paten samada sesuatu permohonan perbaharuan utiliti dilulus atau ditolak.

4.12 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten berkenaan dengan hal-hal teknikal dan undang-undang berkaitan paten.

4.13 Membantu dan menasihatkan Pendaftar Paten dalam kes-kes pendengaran (Peraturan 47(4)).

4.14 Menasihati Pendaftar Paten/Lembaga Paten berkenaan dengan perkembangan teknologi semasa.

4.15 Menjalankan pemeriksaan dari aspek keselamatan dan kepentingan negara terhadap permohonan paten dan perbaharuan utiliti (Seksyen 30A).

4.16 Mengkategorikan/mengkelaskan setiap permohonan paten/perbaharuan utiliti berdasarkan Klasifikasi Paten Antarabangsa (*International Patent Classifications*) untuk membantu kerja-kerja kajian.

4.17 Memberi khidmat nasihat teknikal dan undang-undang mengenai paten kepada perekacipta-perekacipta secara bersemuka, atas talian (online), seminar, forum, bengkel dan ceramah.

## 5. Hubungan Kerja

### 5.1 Luaran

- Agen-agen paten berdaftar dengan pejabat pendaftaran paten.
- Kolej, institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan.
- Syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau rekacipta.
- Organisasi-organisasi atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau rekacipta.
- Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai agenda memajukan sains dan teknologi.
- Individu yang terlibat dengan perekaciptaan.
- Pakar-pakar runting dari badan-badan antarabangsa, antara lain dari World Intellectual Property Organization (WIPO), European Patent Office (EPO) dan sebagainya.

### 5.2 Dalaman

- Rakan sekerja di Bahagian/Unit yang sama.
- Kakitangan lain di Bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

## **6. Persekutaran Kerja**

Dalam dan luar pejabat.

## **7. Peralatan Yang Digunakan**

- Komputer yang mempunyai talian terus atau internet.
- Komputer yang dilengkapi dengan CD-ROM.
- Pembaca Mikrofilem.
- CD-ROM yang mengandungi maklumat-maklumat paten dari Amerika Syarikat, Negara-negara Eropah, Jepun dan Malaysia.

## **8. Kebolehan Yang Diutamakan (Pengetahuan/Kemahiran)**

- Pengetahuan luas dalam bidang sains dan teknikal.
- Berkemahiran menggunakan komputer.
- Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.
- Berkebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran teknikal dan undang-undang (*legal and technical environment*).
- Berkebolehan menterjemahkan tulisan atau perihalan kepada gambarajah teknikal paten.
- Boleh berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik.
- Boleh menangkis hujah-hujah yang diketengahkan oleh pemohon-pemohon paten sekiranya hujah-hujah yang dikemukakan tidak membantu kepada pemberian sesuatu paten.

## **9. Sifat-sifat Yang Bersesuaian Dengan Jawatan**

- Jujur , amanah dan tekun.
- Minat membaca, mengkaji, meneliti dan mengikuti perkembangan ciptaan-ciptaan baru.
- Minat mengikuti perkembangan teknologi terkini.

## **10. Ancaman/Bahaya**

- Boleh dikenakan tindakan undang-undang (mahkamah).
- Boleh menjaskan penglihatan.
- Kemalangan (mengendalikan peralatan-peralatan).
- Tekanan (*stress*).

**LAMPIRAN ‘C’**

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

---

---

---

Bil. :  
Tarikh :

Nama : (nama anggota)

Alamat : \_\_\_\_\_

---

---

Melalui Ketua Jabatan,

---

---

---

Tuan/Puan:

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI EHWAL EKONOMI KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMERIKSA PATEN DI UNIT PATEN, KPDN & HEP MELALUI OPSYEN**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten di Unit Paten, KPDN &HEP di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan dengan gaji RM ..... Gred ..... mulai pada (tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan) dan syarat-syarat perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan **Lampiran 1**;
- (b) Jika tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran ini.

2. Tuan/puan dikehendaki menandatangani kertas opsyen seperti di **Lampiran 2** dan mengembalikannya kepada (nama pihak berkuasa melantik yang menawarkan opsyen) dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan 1 (b) di atas.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

---

(  
[ Nama Pihak Berkuasa Melantik /  
agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota ]

**PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT  
PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN  
(BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)**

---

- |  |  |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kerajaan telah memutuskan supaya anggota dalam skim perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten. Tuan/puan dengan ini diberi opsyen samada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan ataupun kekal dalam perkhidmatan sekarang. Opsyen ini adalah <b>muktamad</b>.</li><br/><li>2. Tuan/puan diberi tempoh selama 30 hari mulai dari tarikh tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan dalam tempoh tersebut atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.</li><br/><li>3. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan ditawarkan gred jawatan dan gaji yang setara.</li><br/><li>4. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.</li></ol> | <p><b>OPSYEN</b></p> <p><b>TEMPOH MEMBUAT OPSYEN</b></p> <p><b>JAWATAN DAN GAJI YANG DITAWARKAN</b></p> <p><b>PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU</b></p> |
|--|--|

5. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan ditawarkan gaji di jawatan yang baru pada matagaji tertinggi berhampiran dengan gaji akhir yang diterima semasa berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan tidak akan berubah.
6. Jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang, tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan dalam perkhidmatan baru yang tuan/puan ditukar lantik. Oleh itu, Ketua Jabatan tuan/puan yang baru bolehlah memperakuan kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk mengesahkan tuan/puan dalam perkhidmatan baru bila-bila masa selepas pertukaran perlantikan ini dikuatkuasakan
7. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang akan dikehendaki melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya setahun dan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Pengecualian hanya boleh diberi bagi syarat sepenuhnya atau sebahagian yang telah dipenuhi dalam perkhidmatan sekarang.
8. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah dikekalkan.
9. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen semasa ditukarlantik, akan diberi opsyen pada tarikh pengesahan samada memilih skim pencen atau skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jika tuan/puan memilih skim pencen tempoh perkhidmatan tuan/puan yang lepas boleh dimasuk kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.

**GAJI DAN TARikh  
PERGERAKAN GAJI**

**ANGGOTA YANG  
TELAH DISAHKAN  
DALAM  
PERKHIDMATAN**

**ANGGOTA YANG  
BELUM DISAHKAN  
DALAM  
PERKHIDMATAN**

**KEKANANAN**

**PEMBERIAN TARAF  
BERPENCEN**

10. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan dikekalkan selaras dengan peruntukan Perintah Am 39 Bab A, 1973.
11. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan/puan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan gantian cuti rehat. Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam perkhidmatan sekarang boleh diambilkira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan/puan layak dalam perkhidmatan baru.
12. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.
13. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.
14. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling dan panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.
15. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang.
16. Tuan/puan tidak berhak dan tidak boleh kembali ke perkhidmatan asal tuan/puan kerana dengan berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini hubungan tuan/puan dengan jawatan sekarang adalah terputus kecuali bagi tujuan pemberian kemudahan cuti, pinjaman dan faedah pencen.
17. Pertukaran pelantikan melalui pemberian opysen ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2000.

**TARAF BERPENCEN  
DIKEKALKAN**

**MEMBAWA BAKI  
CUTI REHAT**

**PENEMPATAN**

**KETUA  
PERKHIDMATAN**

**MEMATUHI  
PERATURAN**

**SYARAT  
PELANTIKAN YANG  
DIKECUALIKAN**

**HUBUNGAN DENGAN  
PERKHIDMATAN  
LAMA**

**TARIKH  
KUATKUASA**

**LAMPIRAN '2'**

**BORANG OPSYEN**

---

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada :  
(Nama pihak berkuasa melantik)

---

---

Melalui Ketua Jabatan  
(Nama ketua agensi)

---

---

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI EHWAL EKONOMI KE SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMERIKSA PATEN DI UNIT PATEN, KPDN & HEP MELALUI OPSYEN**

---

Berhubung dengan surat tuan bil. ..... bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

- \* (a)  Bersetuju menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi di Unit Paten, KPDN & HEP di bawah klasifikasi perkhidmatan Ekonomi ke skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan di Unit Paten, KPDN & HEP dengan menerima gaji sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebulan atas gred gaji \_\_\_\_\_ dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran di **Lampiran 1**;
- \* (b)  Tidak bersetuju menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pegawai Ehwal Ekonomi di Unit Paten, KPDN & HEP ke skim perkhidmatan Pegawai Pemeriksa Paten di bawah klasifikasi perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan di Unit Paten, KPDN & HEP dan dengan

ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang sehingga saya meninggalkan perkhidmatan.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad.

Tandatangan : .....

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....  
Tarikh : .....

Di hadapan :

.....  
SAKSI\*\*

( Tandatangan Dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....  
Tarikh : .....

---

\* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN D

KAJIAN IMPLIKASI KEWANGAN

PERKHIDMATAN SKIM	KEPUTUSAN KLASIFIKASI	JENIS SURAT, ARAHAN PERKHIDMATAN AWAM DAN TARIKH	RUJUKAN KUATKUASA	TARIKH ASAL DAN TANGGAGAJI	GRED GAJI BARU DAN TANGGAGAJI	SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN YANG DIBAYAR	MATAGAJI BARU	NOMBOR KAD PENGENALAN PEGAWAI	
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)
Pegawai Pemeriksa Paten	Penyelidikan dan Pembangunan (Q)	Tukar lantik								

Nota : Jabatan hendaklah mengisi ruang kosong seperti berikut:-

(9)

Jumlah tunggakan ialah perbezaan gaji yang dibayar sebelum dan selepas keputusan.

Catatan:

Sila hantar balik lampiran ini kepada Cawangan Gaji, Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Blok C, Aras 4, Kompleks JPA,  
Jalan Tun Ismail, **50510 KUALA LUMPUR.**